

## **HAK KEBEBASAN MENGELUARKAN PENDAPAT DARI PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Mohd Azizuddin Mohd Sani**  
*Sekolah Pembangunan Sosial*  
*Universiti Utara Malaysia*

*Sejak kebelakangan ini negara sering digemparkan dengan isu hak kebebasan untuk berhimpun secara aman. Beberapa pihak menuduh pemerintah di Malaysia telah menyekat hak kebebasan rakyat. Manakala pihak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) pula menyatakan bahawa hak kebebasan untuk berhimpun adalah dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Kenapa isu ini diperdebatkan dari segi amalan sekiranya ia telah dijamin amalannya oleh Perlembagaan Persekutuan. Hak kebebasan berhimpun secara aman sebenarnya adalah sebahagian daripada hakiki kebebasan mengeluarkan pendapat yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan melalui Bahagian II Perkara 10. Ianya juga diberikan jaminan dalam undang-undang antarabangsa berasaskan Artikel 19 Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia. Oleh itu, artikel ini akan mengupas kedudukan hak kebebasan mengeluarkan pendapat dari perspektif perundangan di Malaysia. Perspektif falsafah, sejarah, akta-akta, dan contoh-contoh kes serta implikasi kes akan ditinjau supaya kefahaman mengenai kewujudan dan amalan hak kebebasan mengeluarkan pendapat diketahui secara menyeluruh.*

### **PENDAHULUAN**

Kebebasan mengeluarkan pendapat atau '*freedom of expression*' sentiasa menjadi perdebatan penting apabila dibangkitkan persoalan berhubung bentuk tuntutan kebebasan yang diperlukan bagi kesejahteraan manusia. Dalam sesebuah negara yang mengamalkan pemerintahan sistem demokrasi, kebebasan mengeluarkan pendapat adalah salah satu hak asas dalam sistem tersebut. Sistem ini menjamin hak rakyat menyatakan pendapat dan bersuara

dalam pembentukan undang-undang dan dasar-dasar kerajaan yang dilaksanakan ke atas mereka.

Di Malaysia, kebebasan mengeluarkan pendapat menimbulkan satu pertembungan fahaman atau nilai dalam masyarakat. Pertembungan ini berlaku apabila wujudnya penerimaan pendekatan liberalisme yang bertapak di Eropah Barat semenjak era Pencerahan pada kurun ke 17 lagi (Baradat, 1997:21) dan pendekatan nilai-nilai Asia yang popular dalam tahun 1980-an dan 1990-an di kalangan beberapa pemerintah Asia seperti di Singapura, Jepun, Taiwan, dan termasuklah juga di Malaysia.

Di sesebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, hak kebebasan mengeluarkan pendapat diberikan jaminan bukan sahaja oleh perlembagaan malah rakyat boleh sama-sama melibatkan diri dalam proses pembentukan undang-undang dan dasar negara oleh kerajaan. Konsep kebebasan mengeluarkan pendapat adalah berasaskan kepada perkataan bebas atau kebebasan itu sendiri. Idea kebebasan mengeluarkan pendapat sebenarnya ialah satu konsep dasar dalam pemikiran liberalisme berkaitan dengan prinsip utamanya tentang kebebasan individu. Ia dianggap sebagai satu jaminan kepada kebebasan individu dan masyarakat. John Locke melalui bukunya yang terkenal '*Second Treatise on Civil Government*' (1690) optimistik terhadap keadaan semulajadi manusia yang mana bagi beliau manusia akan beretika dan berkelakuan tertib terhadap hubungannya sesama manusia. Ini dengan sendirinya menjamin kebebasan yang setara di antara satu sama lain dan memungkinkan kerajaan memiliki kuasa terhad (Susser, 1995:60; Baradat, 1997:72). Idea Locke kemudiannya berkembang sebagai satu idea klasik liberalisme dan idea kebebasan mengeluarkan pendapat yang harus diamalkan oleh setiap individu dalam sesebuah negara. Kesannya, Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia tahun 1948, berhubung dengan kebebasan mengeluarkan pendapat telah diterima oleh Majlis Perhimpunan Agung PBB pada 10 Disember 1948. Ini berdasarkan Artikel 19 deklarasi tersebut yang menyatakan:

*"Everyone has the right to freedom of opinion and expression; this right includes freedom to hold opinions without interference and to seek, receive and impart information and ideas through any media and regardless of frontier".*

(Dowrick 1984:141)

Sementara itu, Artikel 19(1) dan (2) Perjanjian Antarabangsa tentang Hak Sivil dan Politik (*International Covenant on Civil and Political Rights*)<sup>1</sup> juga mempunyai peruntukan berkenaan hak kebebasan mengeluarkan pendapat yang antara lain menyebut:

1. *Everyone shall have the right to hold opinions without interference.*
2. *Everyone shall have the right to freedom of expression; this right shall include freedom to seek, receive and impart information and ideas of all kinds, regardless of frontiers, either orally, in writing or in print, in the form of art, or through any other media of his choice”.*

(Martin et al., 1997:47)

Berdasarkan ketetapan di atas, hak berkenaan kebebasan mengeluarkan pendapat telah disepakati bersama sebagai satu keperluan manusia sejagat dan pencabulan ke atasnya telah ditafsirkan sebagai pencabulan ke atas hak asasi manusia itu sendiri.

Idea kebebasan mengeluarkan pendapat mendapat tempat dalam wacana politik Tanah Melayu (Malaysia) bersama-sama dengan kedatangan idea-idea demokrasi iaitu pemerintahan berasaskan undang-undang, sistem kehakiman, dan prinsip hak kebebasan individu semasa era awal kolonial British. Pada tahun 1948, British telah memperkenalkan Perlembagaan Persekutuan 1948 yang merupakan asas kepada pembentukan Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bentuk demokrasi berparlimen yang diamalkan kini. Pada masa sekarang aliran global ke arah pendemokrasian dan ditambah lagi dengan kemajuan teknologi maklumat melalui media elektronik semakin memberangsangkan perkembangan idea kebebasan mengeluarkan pendapat di Malaysia.

## **UNDANG-UNDANG KOLONIAL BRITISH**

Kedatangan British ke Tanah Melayu telah mewujudkan sistem kehakiman moden. Walau bagaimanapun, pihak pemerintah kolonial British telah memperkenalkan sistem kehakiman dan prinsip pemerintahan berasaskan undang-undang hanya bertujuan untuk menjaga kepentingan politik, ekonomi, dan perniagaan British (Cheah Boon Kheng, 1999:3). Selain itu, British juga telah memperkenalkan peraturan atau undang-undang yang menyekat kebebasan mengeluarkan pendapat di Tanah Melayu. Pada tahun 1948, pemerintah kolonial British telah memperkenalkan Ordinan Peraturan Darurat

atau '*Emergency Regulations 1948*'. Ordinan ini diwujudkan bertujuan untuk menghadapi kebangkitan pemberontakan komunis. Ordinan ini membenarkan penahanan tanpa bicara. Tindakan British ini jelas merupakan satu tindakan bermotifkan politik bagi memudahkan tugas kolonial British menghukum seseorang yang dirasakan boleh menggugat kedudukan pemerintah kolonial British<sup>2</sup>. Kedudukan ordinan tadi telah diteruskan penguatkuasaannya dengan pembentukan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 1960 setelah berakhirnya perisytiharan darurat yang disebabkan oleh pemberontakan komunis (Cheah Boon Kheng, 1999:14).

Selain itu, pemerintah kolonial British yang menguasai pentadbiran Negeri-Negeri Selat juga telah memperkenalkan undang-undang yang menapis dan memberi peraturan dalam penerbitan dan pencetakan akhbar yang bertujuan untuk mengelak penyebaran maklumat yang boleh menjejaskan pemerintahan kolonial British. Pada tahun 1920, pihak British telah memperkenalkan '*Printing Press Ordinance*' atau Ordinan Mesin Cetak di Negeri-Negeri Selat yang diperlukan untuk mengguna dan menyimpan mesin cetak (Mohd Safar Hasim, 1996:4-5). Manakala pada tahun 1924, Ordinan Mesin Cetak juga telah diperkenalkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang membolehkan pentadbiran kolonial British menarik balik lesen yang diberikan kepada pemilik lesen. Pada tahun 1939, pentadbiran British mensyaratkan setiap penerbit akhbar memohon permit terlebih dahulu sebelum penerbitan dilakukan. Perihal permit ini telah dibantah oleh penerbit akhbar berbahasa Inggeris yang menyebabkan pentadbiran British telah mengecualikan akhbar berbahasa Inggeris daripada menerima sekatan ini. Manakala akhbar-akhbar yang lain terus terikat kepada peraturan tadi (Cheah Boon Kheng 1999:14). Oleh itu, kesemua akhbar Melayu seperti *Majlis*, *Utusan Melayu*, dan *Saudara* terpaksa mengikut undang-undang tersebut. Pada tahun 1948, Ordinan Mesin Cetak<sup>3</sup> sekali lagi dipinda dalam usaha pihak pemerintah kolonial British menghadapi pemberontakan bersenjata komunis.

Pemerintah kolonial British di Tanah Melayu juga memperkenalkan '*Sedition Ordinance*' atau Ordinan Hasutan pada tahun 1948 bagi menghalang sebarang tindakan yang boleh menggugat kerajaan kolonial dalam menjalankan pentadbirannya. Pengenalan ordinan ini adalah untuk menghalang tersebarnya propaganda yang dibawa oleh Parti Komunis Malaya (PKM) yang boleh menggugat kedudukan kerajaan kolonial British ketika pemberontakan komunis tahun 1948. Sementara itu, pihak British juga telah menerima pakai '*Official Secrets Act*' atau Akta Rahsia Rasmi yang diciptakan oleh kerajaan Britain pada tahun 1889 bagi mengelak berlakunya kebocoran maklumat kerajaan Britain yang dilakukan oleh pegawai kerajaan. Pada tahun 1911,

British telah meminda akta ini bagi mengelakkan pengintipan dan perisikan yang dilakukan oleh pihak Jerman. Dengan wujudnya pentadbiran British di Tanah Melayu maka secara langsung akta tersebut juga diperkenalkan di Tanah Melayu bagi mengelak maklumat kolonial diketahui oleh penduduk wilayah yang dijajah.

Kewujudan undang-undang tersebut telah menunjukkan bahawa untuk memudahkan pentadbiran dan penjajahan British diteruskan di Tanah Melayu, pihak British telah menyekat kebebasan mengeluarkan pendapat di Tanah Melayu pada ketika itu. Kesenambungan daripada undang-undang tadi ialah dengan kewujudan akta-akta yang mempunyai hubungan langsung dengan perihal hak kebebasan mengeluarkan pendapat pada masa kini iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Hasutan, dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP). Manakala Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) pula wujud selepas kemerdekaan Tanah Melayu.

## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA SELEPAS KEMERDEKAAN**

Perlembagaan Persekutuan memperuntuk hak kebebasan mengeluarkan pendapat kepada penduduk Malaysia berdasarkan Bahagian 2 Perkara 10(1) mengenai 'kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan' (Perlembagaan Persekutuan 1999). Perkara 10(1) menyebut bahawa:

- “(a) tiap-tiap warganegara adalah berhak bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran;
- (b) semua warganegara adalah berhak berhimpun secara aman dan dengan tidak bersenjata;
- (c) semua warganegara adalah berhak menubuhkan persatuan.”

Peruntukan perlembagaan ini jelas memberikan kebebasan kepada rakyat dalam mempraktikkan tanggungjawabnya selaku warganegara Malaysia. Walaupun begitu, kebebasan yang diperuntuk oleh Perkara 10(1) itu masih menghadapi beberapa sekatan khususnya melalui peruntukan Perkara 10(2) yang mana Parlimen boleh dengan undang-undang menggunakan:

“(a) ke atas hak-hak yang diberikan oleh perenggan (a) Fasal (1) apa-apa sekatan yang didapatinya perlu dan mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, perhubungan persahabatan dengan negeri-negeri lain, ketenteraman awam untuk melindungi keistimewaan-keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Negeri atau untuk mengelakkan penghinaan

terhadap mahkamah, fitnah, atau perbuatan mengapi-api supaya dilakukan sesuatu kesalahan:".

(Perlembagaan Persekutuan, 1999)

Berdasarkan peruntukan di atas, pihak kerajaan Barisan Nasional (BN) cuba menafsirkan perlunya penjagaan kepada institusi-institusi penting negara seperti Parlimen, mahkamah, dan institusi kerajaan negeri dan pusat untuk tidak hilang kredibilitinya atau hilang keyakinan rakyat terhadap badan-badan terbabit kesan daripada amalan kebebasan mengeluarkan pendapat. Peruntukan yang dijelaskan tadi bertujuan untuk melindungi negara dari penyalahgunaan kebebasan oleh warganegaranya dan juga rakyat asing. Contohnya, kerajaan BN menyokong tindakan pemenjaraan ke atas wartawan majalah '*Far Eastern Economic Review*', Maurice Hiebert pada 4 September 1997. Beliau telah menulis artikel bertajuk '*See You in Court*' iaitu satu kes perbicaraan yang dikatakan boleh menggugat kredibiliti institusi kehakiman.

Perkara 10(4) pula dengan jelas menerangkan matlamat atau tujuan sekatan dilakukan ke atas kebebasan mengeluarkan pendapat tadi yang mana menyebut:

"Pada mengenakan sekatan-sekatan demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam di bawah Fasal (2) (a), Parlimen boleh meluluskan undang-undang melarang perbuatan mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan yang ditetapkan atau diperlindung oleh peruntukan Bahagian 3, Perkara 152, 153 dan 182 berhubung dengan apa-apa jua melainkan berhubung dengan pelaksanaannya sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang itu".

(Perlembagaan Persekutuan, 1999)

Perkara 10(4) diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan melalui pindaan perlembagaan yang dilakukan pada 1971 dan dikuatkuasakan pada 10 Mac 1971 kesan daripada peristiwa 13 Mei 1969. Ketika kempen selama lima minggu Pilihan Raya Umum tahun 1969 dan sebelum berlakunya peristiwa 13 Mei 1969, Parti Perikatan terpaksa menghadapi parti pembangkang yang diketuai *Democratic Action Party* (DAP) dan GERAKAN yang dikatakan telah menyalahgunakan kebebasan mengeluarkan pendapat mereka. Ini membangkitkan perasaan tidak puas hati masyarakat bukan Melayu iaitu Cina dan India yang mempersoalkan hak keistimewaan orang Melayu dalam memperoleh pekerjaan dan menduduki jawatan tinggi di sektor awam. Langkah ini dianggap sebagai bermatlamat untuk menghapuskan hegemoni

bangsa Cina dalam perniagaan dan industri (Comber, 1983:63). Oleh itu selepas darurat diisytiharkan, kerajaan telah melakukan pindaan perlembagaan tersebut. Pindaan itu memasukkan peruntukan menjadi satu kesalahan kepada sesiapa sahaja termasuklah ahli Parlimen ketika perdebatan Parlimen mempersoalkan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan Kewarganegaraan, Perkara 152 berkenaan Bahasa Kebangsaan, Perkara 153 mengenai hak keistimewaan orang Melayu terhadap perbezaan kuota mengenai perkhidmatan, permit, dan sebagainya untuk orang Melayu, dan Perkara 182 berkenaan Mahkamah Khas berdasarkan prosiding terhadap Yang Dipertuan Agong dan Raja-Raja (Rais Yatim, 1995:168).

Justifikasi kepada tindakan meminda perlembagaan dijelaskan oleh kerajaan seperti berikut:

"Adalah jelas bahawa jika tidak ada sekatan tertentu kepada perbincangan awam tentang isu-isu yang boleh menimbulkan kebimbangan dan ketakutan di antara kaum dan jika langkah tidak diambil untuk meyakinkan rakyat bahawa hak-hak dan kepentingan mereka yang sah di bawah perlembagaan tidak akan diugut, negara akan menghadapi bahaya satu lagi konflik perkauman yang mungkin lebih dahsyat".

(Malaysia, 1971)

Reaksi ketika pindaan tersebut dilakukan juga amat menarik sekali kerana pindaan perlembagaan tersebut mendapat undi dua pertiga di Dewan Rakyat apabila pihak pembangkang juga mengundi pindaan demi kepentingan negara walaupun pihak kerajaan Perikatan tidak mempunyai lebih suara dua pertiga (Tun Mohamed Suffian Hashim, 1987:324-325).

Bahagian XI Perkara 149 telah memberi justifikasi pembatasan ke atas peruntukan kebebasan mengeluarkan pendapat secara terperinci dengan menyenaraikan perkara-perkara yang boleh membawa kepada perbuatan subversif yang boleh menggugat ketenteraman rakyat di Malaysia seperti membangkitkan perasaan benci terhadap Yang Dipertuan Agong dan kerajaan-kerajaan dalam Persekutuan, serta mengapi-apikan permusuhan kaum. Berdasarkan Perkara 149 ini, Parlimen diberi kuasa untuk membuat undang-undang bagi menentang perbuatan subversif tanpa mengira sama ada darurat telah diisytiharkan atau tidak. Tun Mohamed Suffian Hashim (1987:316) menghuraikan bahawa Parlimen boleh meluluskan suatu akta yang menyatakan bahawa tindakan tersebut telah diambil atau diancam.<sup>4</sup> Hal yang menarik berkenaan Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan (peruntukan awal di bawah Perkara 137) ialah salah seorang daripada anggota Suruhanjaya Reid

yang ditugaskan untuk mendrafkan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1957 iaitu Hakim Abdul Hamid dari Pakistan telah membantah pembentukan akta ini yang mana beliau menyatakan (SUARAM, 1998:217-218):

*"If there exists any real emergency, and that should only be emergencies of the type described in Article 138 (now Article 150), then and only then should such extraordinary powers be exercised. It is in my opinion unsafe to leave in the hands of Parliament power to suspend constitutional guarantees only by making a recital in the Preamble that conditions in the country are beyond reach of the ordinary law. Ordinary legislation and executive measures are enough to cope with a situation of the type described in Article 137 (now Article 149) ."*

Kebimbangan Hakim Abdul Hamid ternyata berlaku pada amalan atau realiti politik Malaysia masa kini. Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang berkuatkuasa pada 1 Ogos 1960 adalah contoh terbaik pembentukan akta di bawah Perkara 149 ini yang membenarkan berlakunya tahanan tanpa bicara walaupun darurat tidak diisytiharkan (Tun Mohamed Suffian Hashim, 1987:317). Kesannya Parlimen boleh dengan kuasanya membentuk atau meminda akta-akta iaitu Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972, Akta Hasutan 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984, dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang secara langsung boleh membataskan hak kebebasan rakyat untuk mengeluarkan pendapat.

Secara taakulan, Malaysia mengamalkan pemerintahan bercorak sistem Westminster<sup>5</sup> yang mana badan eksekutif dan perundangan diwakili oleh pihak yang sama yakni parti yang memerintah. Oleh itu, pembuatan undang-undang adalah juga terletak di tangan pihak eksekutif yang pada waktu yang sama adalah ahli Parlimen.<sup>6</sup> Maka dengan itu, Perkara 149 yang membenarkan Parlimen membentuk undang-undang yang sekali gus mencerminkan peranan pihak eksekutif yang juga menduduki badan perundangan untuk membuat dan meminda undang-undang mengikut keperluan dan kepentingan semasa pemerintahan serta demi kestabilan negara. Pihak kerajaan Malaysia yang dibentuk oleh parti Barisan Nasional semenjak tahun 1974 sehingga kini telah menjelaskan kepada rakyat umum berkenaan rasionalnya akta-akta ini dibentuk dan dipinda. Tujuan utamanya dikatakan untuk menjamin keharmonian kaum dan membolehkan negara menumpukan perhatian kepada pembangunan ekonomi negara (Welsh, 1996:884).



## **AKTA-AKTA UTAMA YANG MEMBATASI HAK KEBEBASAN MENGELUARKAN PENDAPAT**

Berdasarkan akta-akta yang wujud di Malaysia terdapat lima akta terpenting yang berperanan luas dalam membatasi hak rakyat untuk bebas mengeluarkan pendapat. Lima akta tersebut ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960, Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972, Akta Hasutan 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984, dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971. Pada 19 April 2001, Suhkam telah mengeluarkan laporan tahunan bagi tahun 2000 berkenaan tahap hak asasi manusia di Malaysia. Dalam laporannya, Suhkam telah mengenal pasti lima akta yang dinyatakan tadi sebagai akta-akta yang secara langsung menjejaskan hak kebebasan mengeluarkan pendapat di Malaysia (Loone, 2001:1-4). Persoalan di sini, kenapa akta-akta ini dikatakan membatasi hak kebebasan mengeluarkan pendapat rakyat Malaysia? Oleh itu, tinjauan dan penelitian harus dibuat ke atas akta dan kes-kes yang melibatkan akta tersebut dalam menilai tahap kebebasan mengeluarkan pendapat di Malaysia.

### **AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI 1960**

Pada tahun 1960, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengambil keputusan untuk menamatkan perisytiharan darurat tersebut walaupun masih wujud ancaman pihak komunis. Disebabkan kebimbangan terhadap ancaman komunis ini maka kerajaan telah mengambil inisiatif mewujudkan ISA yang pada asalnya mempunyai dua objektif yang utama iaitu memerangi ancaman subversif dan menghapuskan segala keganasan yang wujud di dalam negara khususnya yang bersangkutan dengan ancaman pihak komunis (Wu Min Aun, 1999:268).

Seksyen 8(1) ISA 1960 menyebut:

“Jika Menteri berpuas hati bahawa penahanan mana-mana orang adalah perlu dengan tujuan mencegahnya daripada bertindak dalam apa-apa cara yang mendatangkan mudarat kepada keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau kepada penyelenggaraan perkhidmatan perlu di dalamnya atau kepada kehidupan ekonominya, Menteri Dalam Negeri boleh membuat suatu perintah mengarahkan bahawa orang itu ditahan bagi apa-apa tempoh tidak lebih daripada dua tahun”.

(ISA, 1998)

Berdasarkan seksyen di atas, jelas menunjukkan bahawa Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa yang penuh dalam menentukan sama ada seorang itu perlu ditahan di bawah ISA sekiranya dirasakan boleh menggugat keselamatan negara mahupun ancaman kedudukan pemerintah.

Manakala di bawah peruntukan Seksyen 22(1) secara jelas menyekat sebarang bahan cetakan dan penerbitan yang berunsur subversif jika pada hemat Menteri yang bertanggungjawab mengenai mesin cetak dan penerbitan bahawa apa-apa dokumen atau penerbitan (ISA, 1998).

- “(a) mengandungi apa-apa pengapian kepada keganasan;
- (b) mengesyorkan keingkaran kepada undang-undang atau kepada apa-apa perintah yang sah;
- (c) adalah dimaksudkan untuk atau mungkin menyebabkan pecah keamanan, atau mengembangkan perasaan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan; atau
- (d) adalah mendatangkan mudarat kepada kepentingan negara, ketenteraman awam atau keselamatan Malaysia.”

ISA menjelaskan bahawa sebarang tindakan yang dilakukan ke atas individu tertentu di bawah akta ini, tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana mahkamah sekalipun. Ini menunjukkan penolakan terus kepada peranan kajian semula kehakiman atau ‘*judicial review*’. Malah pada tahun 1989, Parlimen telah meluluskan pindaan ke atas ISA yang bersangkutan dengan *habeas corpus* bagi membolehkan sebarang tindakan Menteri melalui ISA daripada dipersoalkan oleh mahkamah seperti mana yang tertera pada Seksyen 8B(1)<sup>7</sup> (Amnesty International, 1999:13).

Pada November 1997, sepuluh orang<sup>8</sup> telah ditangkap di bawah ISA kerana dituduh mengamalkan ajaran Syiah di Malaysia. Dua orang daripadanya telah membawa kes penangkapan mereka ke Mahkamah Tinggi dan berjaya dalam permohonan mereka mendapat *habeas corpus* namun kedua-dua mereka ditahan semula sebaik sahaja dibebaskan pada Disember 1997 (SUARAM , 1999:2). Ini jelas menunjukkan kekuatan ISA yang mana penguatkuasaannya telah diketatkan. Malah Menteri Dalam Negeri dilihat berkuasa penuh dalam mengarahkan sebarang tangkapan dilakukan di bawah akta ini dan tindakan beliau adalah mutlak dan tidak boleh dipersoalkan malah perbicaraan juga tidak diadakan.

R.H. Hickling, orang yang bertanggungjawab mendrafkan ISA pada tahun 1960, mengakui bahawa akta tersebut bukan sahaja telah diperketatkan penggunaannya malah berlaku juga penyalahgunaan akta tersebut oleh pihak kerajaan untuk kepentingan politik kerajaan:

*"Since I drafted the original act, the ISA has been tightened up and tightened up until now there's no provision for judicial review. Unfortunately over the years the powers have been abused. Instead of locking up people suspected of organizing violence, which is the phrase used in the preamble to the ISA, it's been used to lock up political opponents, quite harmless people".*

(Wu Min Aun, 1999:269)

Pada Februari 1979, 22 orang ahli *Airlines Employers Union* (AEU) ditahan di bawah ISA Kesatuan sekerja tersebut dibubarkan setelah pihak kesatuan melancarkan mogok menentang campur tangan dan penguasaan kerajaan ke atas syarikat penerbangan *Malaysian Airline System* (MAS). Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan mempunyai hak yang telah diperuntukan oleh undang-undang Malaysia yang sah untuk membataskan hak kebebasan mengeluarkan pendapat demi sesuatu keperluan dan kepentingan. Kerajaan berkuasa penuh dalam menjalankan tindakan ke atas seseorang individu di bawah ISA demi jaminan untuk politik negara dan kestabilan pemerintah menjalankan pemerintahannya.

## AKTA RAHSIA RASMI 1972

Akta Rahsia Rasmi atau *Official Secrets Act* (OSA) 1972 (Akta 88) diwujudkan berdasarkan Ordinan Rahsia Rasmi Negeri-Negeri Melayu 1950 serta British OSA 1911 dan 1920 yang bertujuan untuk melindungi pengaliran maklumat rahsia kerajaan supaya tidak terjatuh ke tangan negara asing (terutamanya negara musuh) yang boleh menggugat keselamatan negara. Seksyen 2 OSA mendefinisikan maksud 'Rahsia Rasmi' sebagai:

"'rahsia rasmi' ertinya apa-apa surat yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa surat rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai 'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit' atau 'Terhad', mengikut mana yang berkenaan, oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 2B".

(OSA, 1998)

Dalam hal ini Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri atau seseorang pegawai awam<sup>9</sup> itu boleh memperakukan bahawa sesuatu surat atau dokumen itu sebagai rahsia rasmi dengan mudah setelah diperuntukan di dalam Seksyen 2, 2A, 2B, dan 2C yang menyebabkan rakyat tidak dapat mengetahui sebarang urusan kerajaan. Sewaktu pindaan dilakukan terhadap akta ini yakni pada tahun 1983 dan 1986, banyak kritikan telah dibuat kerana ia dipandang sebagai sesuatu yang boleh disalahgunakan (Aziz Bari, 1999:17). Pindaan dilakukan pada tahun 1983 bagi meningkatkan hukuman denda kepada para pengintip apabila media asing mula menerbitkan analisis terperinci berkenaan skandal *Bumiputra Malaysian Finance Ltd.* (BMF)<sup>10</sup> berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada kerajaan dan pegawai-pegawai awam yang boleh melibatkan tokoh-tokoh utama politik negara. Menyedari skandal tersebut boleh menjejaskan kedudukan dan kredibiliti kerajaan, pada tahun 1986 pemindaan akta dilakukan sekali lagi dengan menukar dari hukuman denda kepada hukuman penjara mandatori selama setahun kepada sesiapa yang melakukan kesalahan membocorkan maklumat kerajaan (Chandra Muzaffar, 1989:141).

Tidak lama dahulu iaitu pada 13 Januari 2000, Ketua Pemuda, Parti Keadilan Nasional iaitu Mohamad Ezam Mohd Nor telah menyerah diri kepada Polis setelah beliau dituduh di bawah Seksyen 8(1)(i) OSA<sup>11</sup> kerana dikatakan membocorkan maklumat rasmi berhubung laporan siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) berkenaan dengan skandal rasuah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Paduka Rafidah Aziz dan bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Rahim Tamby Chik (MASSA 2000:30). Tindakan membocorkan rahsia kerajaan yang dilakukan oleh Mohamad Ezam adalah berdasarkan fakta sebenar yang dikategorikan sebagai sulit yang diperolehinya ketika menjadi Setiausaha Politik kepada bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Namun pembocoran fakta yang diklasifikasikan sebagai sulit atau rahsia rasmi oleh kerajaan boleh menyebabkan Mohamad Ezam menghadapi tindakan di bawah OSA ini walaupun tindakan pembongkaran rahsia kerajaan dianggap untuk kepentingan rakyat keseluruhannya bagi mengetahui tindakan salah pengurusan dan rasuah yang dilakukan oleh tokoh-tokoh politik kerajaan sekiranya berlaku.

Berdasarkan Seksyen 16(1) dan (2), OSA telah memberikan peruntukan luas kepada mahkamah untuk membuktikan bahawa seseorang itu boleh disabitkan di bawah OSA kepada seseorang itu hanya dengan bukti kelakuannya dan perwatakannya yang dirasakan telah melakukan kesalahan yang boleh menggugat keselamatan dan kestabilan negara. Kedudukan ini akan menyukarkan terutamanya pihak pembangkang yang sering kritikal terhadap

tindakan dan dasar kerajaan yang mana dengan imejnya yang membangkang dan menentang kerajaan akan memudahkan tindakan dilakukan ke atasnya di bawah OSA ini (Chandra Muzaffar 1989:137-139). Pada tahun 1976, Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang pernah disabitkan kesalahan di bawah OSA kerana menerima dan menghebohkan maklumat berkenaan pembelian kapal perang Sweden oleh Malaysia yang dirasakan merupakan satu tindakan penyalahgunaan perbelanjaan negara melalui wang rakyat. Namun, Lim Kit Siang telah didapati bersalah di bawah OSA oleh Mahkamah Persekutuan. Dalam rayuannya beliau berjaya mengurangkan bayaran denda kepada kurang daripada RM2,000 dan terus mengekalkan kerusinya di Parlimen (Amnesty International, 1999:28)<sup>12</sup>.

Jelas bahawa, OSA dilihat dapat membatasi bukan sahaja kebebasan rakyat dalam memperolehi maklumat mengenai apa jua perjanjian, pembuatan dasar, dan sebagainya daripada pihak kerajaan malah kebebasan rakyat dalam mengeluarkan pendapat juga dibatasi daripada memperkatakan tentang sesuatu perkara, maklumat atau dokumen yang telah diklasifikasikan sebagai sulit oleh kerajaan. OSA telah digunakan untuk menghalang masyarakat awam memperolehi maklumat penting berkenaan skandal negara seperti kerugian Bank Negara sebanyak RM30 bilion pada tahun 1994. Walaupun OSA ini adalah undang-undang yang perlu bagi melindungi dokumen-dokumen rahsia dan sulit kerajaan, namun kebimbangan yang timbul hanyalah berkenaan kebimbangan penyalahgunaan akta tersebut untuk melindungi sebarang penyelewengan atau rasuah yang dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan. Namun sehingga kini masih tidak terdapat kes-kes yang membuktikan penyelewengan tersebut yang mana dijelaskan melalui penghukuman mahkamah.

## AKTA HASUTAN 1948

Pada tahun 1948, Akta Hasutan atau *Sedition Act* 1948 (Akta 15) telah diperkenalkan oleh kerajaan kolonial British di Tanah Melayu bergelar Ordinan Hasutan 1948. Tujuannya ialah untuk menyekat sebarang tindakan yang boleh menggugat kerajaan kolonial dalam menjalankan pentadbirannya dan yang boleh membawa ketidakpuasan hati rakyat tempatan kepada kerajaan kolonial terutamanya yang berkaitan dengan pemberontakan bersenjata PKM pada ketika itu. Namun begitu, Chandra Muzaffar (2000:1) menyatakan bahawa tujuan sebenar British mewujudkan akta tersebut bukan sahaja cuba menyekat gerakan militan PKM malah juga menyekat peningkatan gerakan nasionalisme yang dalam usaha membebaskan Tanah Melayu daripada

penjajahan British. Sasaran utama British pada masa itu adalah terhadap kebangkitan pengaruh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

Selepas berlakunya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, Akta Hasutan ini telah diperketatkan untuk tujuan kestabilan negara. Semenjak pindaan kepada Akta Hasutan pada Februari 1971, kerajaan bertindak tegas terhadap orang-orang yang mempersoalkan kerakyatan mana-mana rakyat Malaysia, bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa komuniti lainnya, hak istimewa orang Melayu atau kepentingan-kepentingan kaum lain dan kedaulatan raja-raja (Malaysia 1971). Di samping itu juga elemen-elemen menghasut boleh dilihat pada Seksyen 2 Akta Hasutan yang menyebut bahawa perkataan "menghasut" apabila dipakai bagi atau digunakan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau apa-apa benda lain menjadikan sifat bagi perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu sebagai mempunyai kecenderungan menghasut (Akta Hasutan 1998). Kecenderungan menghasut ini misalnya mengadakan ceramah atau menerbitkan artikel yang cuba mempengaruhi rakyat untuk mewujudkan keadaan tidak stabil di dalam negara misalnya dengan cara mogok atau rusuhan dan menghilangkan keyakinan kepada badan-badan kerajaan seperti badan kehakiman dan Polis.

Ekoran daripada peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, Akta Hasutan ini telah digunakan untuk mengawal media daripada menyiarkan berita-berita palsu yang mampu menimbulkan perasaan marah sesuatu kaum terhadap kaum yang lain (Aziz Zariza Ahmad, 1988:147). Tindakan ke atas kesalahan ini pernah dikenakan ke atas Fan Yew Teng yakni seorang tokoh DAP pada tahun 1971 apabila beliau didapati bersalah dan dihukum penjara enam bulan atau didenda RM2 ribu yang sekali gus menyebabkan beliau kehilangan kerusi Parlimen yang didudukinya. Kesalahan Fan Yew Teng ialah beliau menerbitkan artikel bertajuk '*Alliance Policy of Segregation: Evidence Galore*' yang ditulis oleh Dr. Ooi Kee Saik di akhbar '*The Rocket*'. Artikel ini menuduh dasar kerajaan di dalam beberapa sektor terutamanya sektor awam menjalankan diskriminasi kaum khususnya terhadap kaum bukan Melayu.

Berdasarkan perkara yang di atas, beberapa kritikan telah ditunjukkan kepada Akta Hasutan ini terutamanya yang berkaitan keluasan skop hasutan tersebut. Shad Faruqi (1989:3) dalam usahanya menilai Akta Hasutan ini telah menjelaskan bahawa 'ketidaktentuan akta ini lebih banyak menguntungkan pihak pendakwa' kerana konsep hasutan di Malaysia jauh lebih luas daripada yang dipakai di United Kingdom, Ireland, India dan Australia yang menyebabkan seseorang peguam di Malaysia sukar memberikan definisi yang jelas tentang ucapan yang bebas dan fitnah atau hasutan yang boleh menggugat

hak kebebasan mengeluarkan pendapat individu tertentu. Dengan itu, maksud 'hasutan' juga dikaitkan dalam bentuk kritikan ke atas pemerintah tidak dibenarkan kerana sebarang perasaan benci dan hilang keyakinan kepada pemerintah atau kerajaan dianggap boleh menggugat kestabilan dan keselamatan.

Peruntukan Seksyen 3(1) dan 4(1)<sup>13</sup> digunakan bagi membatasi politik pembangkang malah tindakan juga boleh diambil terhadap akhbar-akhbar yang berperanan dalam erti kata 'menghasut' melalui Seksyen 9(1).<sup>14</sup> Pada tahun 1998, ahli Parlimen Kota Melaka dari DAP Lim Guan Eng telah dihukum penjara selama 18 bulan di bawah Akta Hasutan dan juga Akta Mesin Cetak dan Penerbitan kerana menerbitkan makalah berkenaan salah laku seks bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Rahim Tamby Chik yang dituduh merogol gadis bawah umur (16 tahun) walaupun pada tahun 1994 Mahkamah Tinggi telah mendapati tiada kes ke atas Tan Sri Rahim melalui pendakwaan yang dilakukan oleh Peguam Negara (Amnesty International 1999:25)<sup>15</sup>. Tindakan menerbitkan artikel oleh Lim Guan Eng dilihat menghasut rakyat dan boleh menggugat kedudukan sistem kehakiman di Malaysia.

Sepanjang tahun 1971 hingga kini hanya pemimpin parti pembangkang terutamanya dari DAP yang disabitkan dengan kesalahan ini. Ini kerana tindakan pihak parti pembangkang untuk cuba meraih sokongan rakyat dan mewujudkan sikap hilang keyakinan kepada pihak parti pemerintah sering dilihat sebagai satu tindakan menghasut yang mampu mewujudkan suasana tidak stabil di Malaysia. Walhal kenyataan umum Perdana Menteri berkaitan dengan pengharaman UMNO yang dipetik akhbar *'The Star'* (1987:1) dengan menuduh para hakim sebagai tidak berkecuali dan cuba mempengaruhi dasar dengan menyuarakan pendapat politik di luar mahkamah yang dianggap oleh beliau sebagai melanggar sistem demokrasi berparlimen yang boleh membawa kepada kehilangan keyakinan terhadap badan kehakiman. Kenyataan sebegini tidak dianggap sebagai menghasut kerana ia dibuat oleh tokoh-tokoh kerajaan yang merupakan badan atau pihak yang menguatkuasakan akta tersebut. Tindakan-tindakan yang dilakukan ke atas pihak parti pembangkang dan pihak-pihak yang lain khususnya rakyat mencerminkan tahap demokrasi Malaysia yang amat terbatas yang menyukarkan amalan kebebasan mengeluarkan pendapat dipraktikkan secara meluas.

## **AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1984**

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) atau *Printing Presses and Publications Act* 1984 (Akta 301) diwujudkan berdasarkan Ordinan Mesin Cetak 1948 yang digunakan dalam menghadapi zaman darurat. Ordinan ini telah dipinda pada tahun 1971 setelah berlakunya peristiwa 13 Mei 1969 yang kemudiannya pada tahun 1984 telah digubal satu akta yang khusus yang kini dikenali sebagai AMCP. Akta ini diwujudkan adalah bagi memperkuat dan memperketatkan sekatan dalam mengawal pemilikan mesin cetak dan kegunaan mesin cetak bagi menghasilkan bahan-bahan penerbitan di dalam negara serta bahan-bahan seperti buku, akhbar dan majalah yang dibawa dari luar negeri. Kawalan yang ketat dilakukan ke atas sebarang penerbitan dan bahan-bahan bercetak menyukarkan ia berperanan sebagai sumber atau saluran bagi rakyat mengeluarkan pendapat dan ideanya kepada kerajaan.

Selain itu, Seksyen 3(1) dan 3(3), 6(1)(a) dan 6(2), serta 12(1) dan 12(2) memperuntukkan setiap terbitan bercetak mesti mendapatkan lesen atau permit dari Kementerian Dalam Negeri dan perlu diperbaharui setiap tahun. Di samping itu, hanya Menteri Dalam Negeri sahaja yang berkuasa menentukan sama ada sesebuah syarikat atau penerbitan itu layak diperbaharui lesennya atau tidak (AMCP, 1997).

Selain itu hukuman di bawah AMCP juga agak berat, berdasarkan Seksyen 8A yang menjelaskan berkenaan penerbitan yang mengeluarkan berita-berita palsu dan apabila didapati bersalah penerbit tersebut akan dikenakan hukuman penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau didenda tidak lebih daripada RM20 ribu atau kedua-duanya sekali (AMCP, 1997). Bekas Ketua Hakim Negara Dato' Harun Hashim (1999:13) pada satu ketika pernah menjelaskan:

*"The Act (AMCP) is clearly unconstitutional if the constitutional rights stand alone...It imposes restrictions on the right to freedom of speech and expression, but as such restrictions are permitted by the Constitution, the law is valid".*

Walaupun AMCP ternyata menyekat kebebasan mengeluarkan pendapat berdasarkan Perkara 10(1) Perlembagaan Persekutuan, namun oleh kerana pembentukan AMCP adalah di bawah peruntukan Perkara 149 yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan maka setiap peruntukan AMCP dianggap sah oleh Perlembagaan Persekutuan.



Bidang kuasa yang luas bagi Menteri Dalam Negeri untuk mengawal segala yang berkaitan dengan media telah menyebabkan kebebasan media tidak berlaku sama sekali di Malaysia yang menyukarkan media berperanan sebagai saluran amalan kebebasan mengeluarkan pendapat. Chandra Muzaffar (1986:2) pernah membicarakan berkenaan AMCP:

*"...the 1984 Printing Presses and Publications Bill removes whatever minor safeguards that now exist in checking the exercise of executive authority. It confers absolute power upon the minister concerned. Whatever his virtues as an individual, there is no doubt that he will be in a position to control the most fundamental of all freedoms - the freedom of expression. It may well give him the sort of dictatorial image that he may not desire or deserve".*

Akhbar-akhbar yang sering menegur pihak pemerintah terutamanya akhbar-akhbar yang dimiliki parti pembangkang seperti *Harakah* milik PAS, *Suara* milik PRM, dan *The Rocket* yang dikelaskan sebagai akhbar-akhbar keluaran parti politik telah dibataskan pengeluarannya kepada dua kali sebulan. Pada tahun 1987 ketika berlakunya 'Operasi Lalang' telah memperlihatkan tiga akhbar iaitu *The Star*, *Sin Chew Jit Poh*, dan *Watan* diharamkan. Pada tahun 2000 setelah memasuki alaf baru, polisi kerajaan dengan cara tidak memperbaharui lesen dan pemberian amaran telah digunakan ke atas majalah dan akhbar yang lantang mengkritik kerajaan seperti, *Detik*, *Tamadun*, *Wasilah*, *Harakah*, dan *Eksklusif*<sup>16</sup>. Pengarah Eksekutif kepada *Committee to Protect Journalists (CPJ)*<sup>17</sup> iaitu Ann Cooper mengkritik tekanan yang diambil oleh kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke atas akhbar yang kritikal kepada kerajaan:

*"It severely restricts the Malaysian public's ability to evaluate important issues facing the country...In the absence of such alternative voices, Malaysia cannot be called a democratic state".*

(freeMalaysia, 2000a:1)

Sekatan yang dilakukan oleh pihak kerajaan ke atas akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang cuba menonjolkan isu-isu sensitif yang boleh menggugat keharmonian kaum di Malaysia dan isu-isu yang dilihat akan menggugat kedudukan parti pemerintah BN. Sementara itu ketika berucap di Perhimpunan Agung PBB Ke 48, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa:

"Malaysia percaya kepada kebebasan akhbar. Tetapi kebebasan itu, sebagaimana juga kebebasan dan hak-hak lain, mesti seiring dengan

tanggungjawab. Kami akan terus mengharapkan media Malaysia bertanggungjawab, tetapi kami tidak akan menyetujui perlunya penguatkuasaan tanggungjawab ini. Tetapi kepada akhbar antarabangsa, kita hanya boleh berharap dan berdoa bahawa mereka menyedari kerosakan yang mereka lakukan”.

(World Youth Foundation, 1999)

Bagi Dr. Mahathir demi majoriti rakyat dan kestabilan politik di Malaysia, kebebasan akhbar atau media boleh dibataskan penggunaannya.

## **AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU)1971 (Akta A550) telah diwartakan pada 24 Februari 1971 dan diluluskan oleh Parlimen pada 18 Mac 1981. Perlaksanaannya diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 30 April 1971. AUKU ini dibentuk kerana pada tahun 1960-an pelajar mula giat menyertai arus politik dan bersikap kritikal terhadap kerajaan. Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) dan Kelab Sosialis Universiti Malaya dengan terbuka menyuarakan perasaan anti-Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri pada ketika itu) dan menuduh kepimpinan Tunku sebagai punca berlakunya Peristiwa 13 Mei 1967 (Muhammad Abu Bakar, 1973; Means, 1976). Malah golongan mahasiswa juga telah mengambil bahagian secara aktif dalam Pilihan Raya Umum 1969 contohnya Persatuan Mahasiswa Universti Malaya (PMUM)<sup>18</sup> memberi sokongan kepada Parti Buruh serta berkempen untuk parti tersebut (Milne & Mauzy, 1982:287).

Menyedari kebimbangan penglibatan pelajar dalam politik, satu Jawatankuasa Kajian Kampus telah dibentuk yang kemudiannya membawa kepada pembentukan AUKU pada tahun 1971. AUKU dilahirkan berdasarkan anggapan pemerintah bahawa tanpa suatu sekatan terhadap kegiatan politik pelajar, boleh membangkitkan perasaan perkauman yang kuat di antara mereka yang dilihat membahayakan masyarakat. Penentangan pelajar terhadap kerajaan juga boleh membahayakan kedudukan pemerintah dalam memegang kuasa (Rohani Abdul Rahim *et al.*, 1992:20). Namun begitu, penguatkuasaan AUKU tahun 1971 tidak menghalang daripada pelajar meneruskan aktiviti politiknya. Ini jelas dapat dilihat apabila pelajar mula berdemonstrasi menentang kerajaan mengenai masalah tanah penduduk setinggian di Tasik Utara dan kebuluran di Baling. Rusuhan yang berlaku pada Disember 1974 menyebabkan kerajaan telah memperketatkan aktiviti pelajar dan meminda

AUKU pada tahun 1975. Pada tahun 1983, pindaan telah dilakukan ke atas AUKU berdasarkan Seksyen 5A apabila Universiti Islam Antarabangsa (UIA) ditubuhkan yang mana UIA tidak termasuk di bawah peruntukan AUKU<sup>19</sup>. Bermula dari tahun 1971 hinggalah kini, AUKU dilihat telah memberi kesan kepada bukan sahaja aktiviti pelajar malah juga merangkumi kebebasan dunia akademik.

Peruntukan AUKU yang dilihat menyekat aktiviti pelajar terutamanya dalam menceburi aktiviti politik terkandung di dalam Seksyen 15. Seksyen 15 tidak membenarkan para pelajar universiti menjadi ahli mana-mana pertubuhan, parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana organisasi di bawah mana-mana undang-undang sama ada di dalam atau di luar Malaysia kecuali ia diperuntukkan di bawah perlembagaan atau mendapat kebenaran Naib Canselor sesebuah universiti. Setiap pelajar juga dilarang menyatakan pendapat dengan menyokong, membangkang atau bersimpati kepada mana-mana pertubuhan tadi. Sekiranya didapati bersalah boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih RM1,000 atau enam bulan penjara.

Pada September 1998 ketika 'Gerakan Reformasi' sedang memuncak, Menteri Pendidikan, Dato' Seri Najib Tun Razak mengancam akan mengenakan tindakan AUKU ke atas pelajar-pelajar yang terlibat dengan siri demonstrasi 'Gerakan Reformasi'. Ini jelas terbukti apabila pada 22 Mei 1999, Menteri Pendidikan Najib Tun Razak menjelaskan bahawa dua orang pelajar iaitu seorang penuntut Institut St. John dan seorang penuntut Institut Teknologi Mara (ITM) (kini Universiti Teknologi Mara) telah dibuang daripada meneruskan pengajian kerana terlibat dalam rusuhan ketika demonstrasi 'Gerakan Reformasi' di Kuala Lumpur. Manakala 11 orang pelajar UIA pula diberi amaran keras kerana terlibat dalam demonstrasi tersebut (Amnesty International, 1999:35). Kerajaan tidak dapat bertindak kepada pelajar-pelajar UIA kerana universiti tersebut tidak termaktub di bawah AUKU. Tindakan-tindakan yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti politik negara bukan sahaja mengeneppikan pendapat pelajar dalam membincang atau menyatakan pendapat ke atas sesuatu isu. Malah pelajar juga ditakutkan dengan tindakan yang akan dikenakan yang boleh menjejaskan masa depan pelajar terbabit. Ini misalnya berlaku kepada seorang pelajar ITM yang dikenakan tindakan di bawah AUKU iaitu Ahmad Zaki Yamani Zainon yang juga Setiausaha Agong Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) menyatakan bahawa beliau tidak dapat menyambung pelajarannya ke mana-mana universiti awam tempatan (Eksklusif, 2000:10). Keadaan yang berlaku kepada Ahmad Zaki telah membawa sikap atau budaya takut kepada pelajar-pelajar lain. Menurut Ahmad Shabery Cheek (1989:7):

“Budaya inilah yang menjadi mahasiswa terus takut dari ingin mencuba, menyoal, mengkritik dan mengemukakan idea atau gagasan baru ke dalam masyarakat ”.

Oleh itu, AUKU dilihat berkesan dalam menyekat kebebasan pelajar untuk mengeluarkan pendapat dan seterusnya kerajaan berjaya membatasi aktiviti-aktiviti pelajar dalam politik negara.

Selain dilihat membatasi aktiviti politik pelajar, AUKU juga membatasi kebebasan akademik bagi para penggiat akademik seperti pensyarah dan guru dalam usaha mengeluarkan pendapatnya sama ada mengkritik kerajaan mahupun mengeluarkan pendapat ke atas sesuatu yang bertentangan dengan kehendak dasar-dasar kerajaan. Berdasarkan peruntukan Seksyen 16C AUKU, dibenarkan untuk diwujudkan satu peraturan yang mengawal disiplin kakitangan yang dikenali sebagai ‘Kaedah Tatatertib Kakitangan’. ‘Kaedah Tatatertib Kakitangan’ telah diwujudkan pada tahun 1979 dan mengkategorikan kakitangan akademik sebagai Kakitangan Kategori A (Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional) yang dilarang sama sekali daripada terlibat dalam perkara politik. Berdasarkan Kaedah 20(2) dengan jelas melarang kakitangan melibatkan diri dalam politik (Rohani Abdul Rahim *et al.*, 1992:151).

Sementara itu, melalui Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 juga telah membataskan kebebasan akademik dari sudut politik. Peraturan 20(1) melarang kakitangan daripada membuat pernyataan, memberikan pendapatnya atas sebarang perkara yang dipersoalkan di antara parti-parti politik, dan juga menerbitkan buku, makalah atau risalah bagi menyatakan pendapatnya mengenai perkara berkaitan dengan sesuatu parti politik. Peruntukan tersebut telah dikritik oleh sebilangan tenaga akademik dengan menyatakan ia jelas menyekat ‘kebebasan akademik’ para pensyarah dan bertentangan dengan semangat dunia akademik. Sungguhpun begitu, kaedah ini tidak melarang seseorang pensyarah atau guru daripada melahirkan pendapatnya mengenai perkara yang boleh dianggap bercorak politik secara bertulis atau lisan jika ia berkaitan dengan fungsi dan tugas rasmi serta melalui forum akademik seperti konvensyen, persidangan, seminar, dan apa juga program-program akademik khususnya yang diadakan secara tertutup iaitu tidak diadakan terbuka di khalayak umum.

Walau bagaimanapun, pada kebiasaannya para ahli akademik yang ingin menyertai politik akan meletakkan jawatan mereka sebagai kakitangan

akademik terlebih dahulu. Pada tahun 1990, Syed Husin Ali terpaksa meletakkan jawatannya sebagai profesor Jabatan Antropologi dan Sosiologi di Universiti Malaya untuk menyertai politik sebagai Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM). Pada tahun 1999 menyaksikan ramai ahli akademik yang meletakkan jawatan semata-mata bagi tujuan menyertai politik dan menjadi calon pilihan raya seperti Nasaruddin Mat Isa dan Dr. Hatta Ramli yang menyertai Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan Prof. Madya Mahathir Mohd Khir yang menyertai BN. Ini menjelaskan risiko bagi ahli akademik yang ingin menyertai politik terpaksa mengorbankan kerjaya dalam bidang akademik sebagai pensyarah. Ini sedikit sebanyak akan merugikan pihak universiti dari segi kemajuan pencapaian akademik dengan perletakan ahli-ahli akademik tersebut.

Dari segi melantik dan memecat kakitangan akademik juga dilakukan oleh kerajaan yang mewakilkannya kepada Naib Canselor dan ahli Majlis Universiti yang dilantik oleh kerajaan. Pada Februari 1999, Prof. Dr. Chandra Muzaffar telah ditamatkan kontraknya sebagai pensyarah di Universiti Malaya kerana terlibat dengan menyokong 'Gerakan Reformasi' walaupun Universiti Malaya memberikan alasan kegawatan ekonomi (Amnesty International, 1999:33). Melalui beberapa peruntukan yang terdapat di dalam AUKU telah menjelaskan kepada kita bahawa akta ini berperanan bukan sahaja membatasi kebebasan pelajar dari segi mengeluarkan pendapatnya malah juga melibatkan kakitangan akademik. Ini kerana kerajaan menyedari bahawa peranan pelajar dan kakitangan akademik mampu menggugat kedudukan negara dan kerajaan. Oleh itu, kerajaan perlu meletakkan mereka di bawah kawalan kerajaan yakni melalui AUKU bagi membolehkan kegiatan politik pelajar dan kakitangan akademik dikawal dan mereka hanya boleh menyumbangkan pendapat atau pemikiran mereka bagi tujuan kebaikan bersama sahaja.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan hujahan-hujahan yang telah diberikan jelaslah walaupun peruntukan yang menjamin kebebasan mengeluarkan pendapat terkandung di dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan adalah bercanggah dengan Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan langkah menyekatkan peruntukan yang telah sedia ada pada Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 149 telah membenarkan beberapa akta yang menyekatkan kebebasan mengeluarkan pendapat diwujudkan seperti ISA 1960, OSA 1972, Akta Hasutan 1948, AMCP 1984, AUKU 1971. Menurut Sean MacBride, termetrinya kebebasan mengeluarkan pendapat (bersuara)

dalam perlembagaan negara tidak semestinya menjamin kewujudannya dari segi amalannya (Wan Abdul Manan, 1996:59). Oleh itu, dalam konteks Malaysia jelaslah amalan dan saluran kebebasan mengeluarkan pendapat adalah terhad khususnya bagi pendapat dan idea politik yang boleh menggugat parti yang memerintah iaitu BN dan para pemimpinnya dan tindakan-tindakan yang boleh menggugat kestabilan politik dan ketenteraman hubungan kaum di Malaysia.

Walaupun akta-akta ini dilihat amat baik dalam melindungi keseluruhan rakyat sekira berlakunya ancaman kepada negara seperti ancaman negara asing dan pergaduhan antara kaum. Namun perkara utama yang sering diperdebatkan ialah tidak terdapat pihak-pihak yang boleh mengawasi tindak-tanduk kerajaan sekiranya berlaku penyalahgunaan ke atas akta-akta terbabit oleh pihak kerajaan. Ini menyebabkan pihak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) yang ditubuhkan pada 9 September 1999 cuba memainkan peranan sebagai badan pengawas kepada sebarang pencabulan ke atas hak asasi manusia oleh mana-mana pihak termasuklah kerajaan, parti pembangkang, NGO, dan juga rakyat. Hasil dapatan artikel ini menjelaskan bahawa hak kebebasan mengeluarkan pendapat rakyat telah dibatasi dalam hal-hal politik dan keselamatan serta terikat dengan peruntukan undang-undang yang membatasi kebebasan tersebut. Bagi kerajaan, kebebasan mengeluarkan pendapat perlulah disusuli dengan tanggungjawab bagi mengelakkan berlakunya ketidakstabilan politik dan menggugat kemakmuran negara.

## **NOTA AKHIR**

<sup>1</sup> Kerajaan Malaysia sebenarnya tidak mengiktiraf Perjanjian Antarabangsa tentang Hak Sivik dan Politik.

<sup>2</sup> Tahanan tanpa bicara pernah dilakukan ke atas Sultan Abdullah dari Perak yang kemudiannya dibuang negeri ke Kepulauan Seychelles kerana memberontak menentang campurtangan British di Perak.

<sup>3</sup> Pindaan dilakukan kerana pada ketika itu juga terdapat undang-undang akhbar yang berasingan iaitu undang-undang di Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang dan Melaka), sebuah meliputi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang), dan manakala Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu setiap negerinya mempunyai undang-undang tersendiri (Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, dan Johor). Undang-undang ini disatukan menjadikan enakmen Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sebagai asas dan memasukkan peruntukan mengenai permit penerbitan yang berkuat kuasa di Negeri-Negeri Selat di dalamnya (Mohd Safar Hasim 1996:5-6).

<sup>4</sup> Apa-apa peruntukan undang-undang yang bermaksud untuk memberhentikan atau mencegah tindakan itu adalah sah walaupun ia berlawanan dengan peruntukan-peruntukan tertentu perlembagaan iaitu Perkara 5 (yang menjamin kebebasan seseorang), Perkara 9 (yang melarang warganegara daripada dibuang negeri dan menjamin kebebasan bergerak), Perkara 10 (yang menjamin kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan) ataupun Perkara 13 (yang menjamin hak terhadap harta) dan ianya terkeluar daripada kuasa perundangan Parlimen.

<sup>5</sup> Sistem pemerintahan demokrasi berparlimen adalah sebenarnya mengikut bentuk demokrasi berparlimen di Great Britain. Sistem Westminster di Great Britain mengamalkan pengasingan kuasa antara eksekutif, perundangan, dan kehakiman namun begitu para ahli Kabinet adalah terdiri daripada anggota badan eksekutif yang juga di kalangan ahli *House of Common* (seperti Dewan Rakyat di Malaysia) di Parlimen (Ahmad Atory Hussain 1996:1-11).

<sup>6</sup> Parlimen di Malaysia dibentuk oleh tiga struktur yang terpenting iaitu Yang Dipertuan Agong, Dewan Rakyat, dan Dewan Negara. Pihak parti yang memerintah yang memenangi Pilihan Raya Umum akan menduduki kerusinya di Dewan Rakyat yang merupakan instrumen terpenting dalam pembuatan undang-undang negara. Pihak parti pemerintah yang kuat dan dapat menguasai Dewan Rakyat dengan kadar kerusi dua pertiga dapat membuat apa sahaja dasar yang dirasakan sesuai untuk kepentingan nasional, keselamatan negara, dan masyarakat umum di samping juga mampu untuk menjamin stabiliti kepentingan pihak parti memerintah untuk terus menguasai badan eksekutif dan Dewan Rakyat.

<sup>7</sup> Seksyen 8B(1) yang antara lain menyebut:

"Maka tidaklah boleh diadakan apa-apa kajian semula kehakiman dalam mana-mana mahkamah akan, dan tiada mahkamah boleh mempunyai atau menjalankan apa-apa bidang kuasa berkenaan dengan, apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa budi bicara mereka mengikut Akta ini, kecuali mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak prosedur di bawah Akta ini yang mengawal selia tindakan atau keputusan itu".(ISA 1998:191)

<sup>8</sup> Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Datuk Dr. Abdul Hamid Othman menjelaskan bahawa penahanan mereka yang terbabit di dalam gerakan Syiah (cabang mazhab yang berbeza dengan Ahlul Sunnah Wal Jamaah yang diamalkan di Malaysia) ialah bertujuan secara rasionalnya bagi '*religious disharmony is a national threat which places the country's political and economic development at an unsafe position*'. Antara sepuluh orang yang ditahan ISA ialah Profesor Lutpi Ibrahim iaitu Profesor di Akademi Islam di Universiti Malaya, Fadzullah Shuib yang merupakan pensyarah di Institut Teknologi Mara, Syed Sulaiman Syed Hassan, Zainal Adam, Said Muda, Ustaz Abdul Hassan, dan Che Kamarulzaman Che Ismail. Menjelang tahun 1999, tujuh daripadanya telah dibebaskan dan selebihnya terus menjalankan tempoh tahanan ISA selama dua tahun di Pusat Tahanan Kamunting (Amnesty International 1999:16).

<sup>9</sup> Berdasarkan Seksyen 2B, seseorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri boleh melantik mana-mana pegawai awam melalui suatu perakuan di bawah tandatangannya untuk mengelaskan apa-apa surat rasmi, maklumat atau bahan sebagai 'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit' atau 'Terhad', mengikut mana yang berkenaan (OSA 1998:280). Oleh itu, Menteri, Menteri Besar, dan Ketua Menteri bebas menentukan pegawai awam yang bertanggungjawab ke atas pengkelasan sesuatu dokumen kerajaan.

<sup>10</sup> Skandal BMF ini melibatkan kerugian BMF melalui cawangan bank tersebut di Hong Kong sebanyak RM2.5 bilion. Ini berlaku apabila tiga orang pemaju hartanah Hong Kong telah jatuh muflis kesan daripada kejatuhan pasaran hartanah di Hong Kong. Namun kerugian ini telah membangkitkan soal ketidaktelusan dari segi pemberian pinjaman dan kelemahan dari segi dokumentasi. Malah hubungan yang rapat antara para pegawai BMF dengan beberapa orang pemimpin tertinggi dikatakan menjadi punca kerugian tersebut berlaku (Crouch 1996:202).

<sup>11</sup> Seksyen 8(1)(i) antara lain menyebut bahawa:

"menyampaikan secara langsung atau secara tidak langsung sesuatu maklumat atau benda tersebut kepada sesuatu negeri asing yang lain daripada negeri asing yang kepadanya ia diberikuasa dengan sempurna bagi menyampaikannya atau kepada seseorang lain yang lain daripada orang yang kepadanya ia diberikuasa dengan sempurna bagi menyampaikannya atau yang kepadanya ia adalah berkewajipan bagi menyampaikannya;" (OSA 1998:285-286)

<sup>12</sup> Kesalahan yang dikenakan Lim Kit Siang sebenarnya adalah kesalahan beliau berdasarkan Seksyen 8(1)(b) yang menyebutkan jika seseorang yang ada dalam miliknya atau kawalannya sesuatu rahsia rasmi atau sesuatu perkataan kod, isyarat timbal atau kata jodoh rasmi yang rahsia yang (OSA 1998:285) -

(b) berhubung dengan kelengkapan perang dan lain-lain perkakas, kelengkapan dan jentera yang digunakan dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia.

<sup>13</sup> Seksyen 4(1) cuba menunjukkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan dibawah Akta Hasutan (1998:393). Berdasarkan seksyen tersebut, kesalahan dibuat oleh sesiapa yang

(a) melakukan atau cuba melakukan, atau membuat apa-apa persediaan untuk melakukan, atau bermuafakat dengan mana-mana orang untuk melakukan apa-apa perbuatan yang mempunyai kecenderungan menghasut, atau, jika dilakukan, tetap mempunyai kecenderungan menghasut;

(b) menyebut apa-apa perkataan menghasut;

(c) mencetak, menerbitkan, menjual, menawarkan untuk dijual, mengedarkan atau mengeluarkan ulang apa-apa penerbitan menghasut; atau

(d) mengimpot apa-apa penerbitan menghasut.

<sup>14</sup> Seksyen 9(1) menjelaskan bahawa apabila seseorang itu disabitkan kerana menerbitkan dalam mana-mana akhbar perkara yang mempunyai kecenderungan menghasut, mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, sama ada sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman lain, membuat perintah mengenai semua atau mana-mana daripada perkara yang berikut (Akta Hasutan 1998:394-395):



- (a) melarang penerbitan selanjutnya akhbar itu, sama ada dengan mutlak atau mengikut syarat-syarat yang akan dinyatakan dalam perintah itu, selama sesuatu tempoh tidak lebih daripada satu tahun daripada satu tahun dari tarikh perintah itu;
- (b) melarang penerbit, tuannya, atau penyunting akhbar itu, sama ada dengan mutlak atau mengikut syarat-syarat yang akan dinyatakan dalam perintah itu, selama tempoh yang tersebut di atas, daripada menerbitkan, menyunting atau menulis bagi mana-mana akhbar, atau daripada membantu, sama ada dengan wang atau dengan apa-apa yang bernilai wang, dengan bahan, perkhidmatan sendiri, atau dengan apa-apa cara lain dalam penerbitan, penyuntingan atau pengeluaran mana-mana akhbar; dan
- (c) bahawa selama tempoh yang tersebut di atas apa-apa alatan percetakan yang digunakan untuk mengeluarkan akhbar itu hendaklah digunakan hanya mengikut syarat-syarat yang akan dinyatakan dalam perintah itu, atau bahawa alatan percetakan itu hendaklah diambil oleh polis dan ditahan oleh mereka selama tempoh yang tersebut di atas.

<sup>15</sup> Pertuduhan terbaru Akta Hasutan ialah dikenakan ke atas dua orang tokoh parti pembangkang iaitu Timbalan Pengerusi DAP Karpal Singh dan Naib Presiden Parti Keadilan Nasional Marina Yusoff serta dua orang dari pihak akhbar 'Harakah' iaitu Pengarang 'Harakah' Zulkifli Sulong dan pencetak akhbar Chea Lim Thye pada 13 Januari 2000. Karpal Singh dikenakan tindakan di bawah Akta Hasutan kerana kenyataan beliau ketika menjadi peguam bela kepada kes liwat Dato' Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi pada 10 September 1999 yang menyatakan bahawa Anwar Ibrahim telah keracunan arsenik ketika di dalam tahanan. Marina Yusoff pula dituduh di bawah akta ini kerana kenyataan beliau yang menuduh UMNO sebagai pencetus peristiwa berdarah 13 Mei 1969 dalam satu ceramah beliau di Bukit Mertajam. Manakala Zulkifli Sulong dan Chea Lim Thye didakwa kerana menyiarkan kenyataan Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional Dr. Chandra Muzaffar di dalam akhbar Harakah mengenai campurtangan eksekutif ke atas badan-badan kerajaan seperti badan kehakiman dan Polis pada 2 Ogos 1999 (Utusan Malaysia 2000:1, The Star 2000:1).

<sup>16</sup> Majalah 'Detik' telah diberi surat tunjuk sebab oleh Kementerian Dalam Negeri yang membolehkan majalah tersebut tidak ditarik balik perमितnya. Ini berpunca 'Detik' melanggar peraturan kerana tidak memberitahu kepada Kementerian Dalam Negeri yang perlantikan Ketua Pengarangnya yang baru telah dilakukan. Majalah 'Wasilah' dan 'Tamadun' juga menghadapi ancaman kepada pengharaman majalah tersebut yang mana majalah 'Wasilah' ditegur kerana tidak memuatkan nama penuh majalah tersebut sepertimana semasa pendaftaran iaitu 'Al Wasilah' dan majalah 'Tamadun' pula dituduh telah menerbitkan hasil tulisan yang boleh mewujudkan ketidakpercayaan rakyat pada kerajaan. Akhbar 'Harakah' pula diugut untuk tidak diperbaharui lesennya setelah akhbar terbabit menjualkan akhbarnya kepada rakyat umum dan tidak sepertimana yang diperuntukan kepada ahli parti sahaja. Manakala akhbar 'Eksklusif' pula diberi amaran kerana dituduh menyebarkan khabar angin (freeMalaysia 2000b:2).

<sup>17</sup> CPJ ialah sebuah NGO antarabangsa yang berperanan sebagai membela hak kewartawanan dan kebebasan akhbar sedunia yang juga berperanan sebagai pemerhati

atau 'watch dog' kepada sebarang tindakan yang boleh menjejaskan kepada amalan kebebasan akhbar dan prinsip kewartawanan.

<sup>18</sup> Beberapa tokoh pemimpin pelajar PMUM yang radikal seperti Syed Hamid Ali, Khong Kim Hoong, dan Koon Suan turut berkempen dan berucap kepada masyarakat dengan berani di rapat umum. Mereka dikatakan menganut fahaman sosialis dan menyokong perjuangan aliran kiri (Muhammad Abu Bakar 1973:81).

<sup>19</sup> AUKU tidak terpakai kepada UIA kerana penubuhannya dibuat di bawah Akta Syarikat 1965, Akta 125 (Semakan 1973) (Rohani Abdul Rahim *et al.*, 1992:19).

## **BIBLIOGRAFI**

- Ahmad Atory Hussain. (1996). *Sistem pemerintahan dan pentadbiran barat: Suatu tinjauan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Shabery Cheek. (1989). *Sumbangan dan peranan mahasiswa ke arah pembinaan tamadun masyarakat*. Seminar Hal-Ehwal Pelajar Ke-3. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj)*. (2000). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Akta Hasutan 1948*. (1998). Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (pnys.). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960*. (1998). Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (pnys.). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Akta Media Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984*. (1997). Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (pnys.). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Akta Rahsia Rasmi 1972*. (1998). Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (pnys.). 1 Januari. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Amnesty International. (1999). *Malaysia : Human rights undermined-restrictive laws in a parliamentary democracy*. Laporan ASA 28/06/99. 1 September. Akses melalui <http://www.amnesty.org/ailib/aipub/1999/ASA/32800699.htm>. (27 September 1999)

- Aziz Bari. (1999). Akta Rahsia Rasmi 1972: Untuk keselamatan negara atau melindungi rasuah? *Eksklusif*. 6-12 September.
- Aziz Zariza Ahmad. (1988). *Fasa kedua*. Kuala Lumpur: Firma Malaysia Publishing.
- Baradat, L.P. (1997). *Political ideologies: Their origins and impact*. Upper Saddle River, New Jersey : Prentice Hall.
- Chandra Muzaffar. (1986). *Freedom in fetters*. Penang: Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN).
- \_\_\_\_\_. (1989). *Challenges and choices in malaysian politics and society*. Penang : Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN).
- \_\_\_\_\_. (2000). *Democracy declines*. JUST. 14 Januari. Petaling Jaya: International Movement for a Just World. Retrieved from [http://www2.jaring.my/just/democ\\_cm.htm](http://www2.jaring.my/just/democ_cm.htm). (27 Januari 2000)
- Cheah Boon Kheng. (1999). From end of slavery to the I.S.A. : Human rights history in Malaysia. Second International Malaysian Studies Conference. 2-4 Ogos. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Comber, L. (1983). *13 May 1969: A historical survey of Sino-Malay relations*. Kuala Lumpur : Heinemann Asia.
- Crouch, H. (1992). Authoritarian trends, the UMNO split and the limits to state power. In *Fragmented vision: Culture and politics in contemporary Malaysia*. Kahn, J.S. dan Francis Loh Kok Wah (pnyt.). NSW: Allen & Unwin.
- Dowrick, F.E. (1984). *Human rights: Problems, perspective and texts*. Hampshire: Gower Pub. Co. Ltd.
- Eksklusif*. (2000). Perhimpunan haram: Pelajar saman kerajaan dan UiTM. 31 Januari.
- FreeMalaysia*. (2000a). Outcry over press crackdown. Retrieved from [http://www.freemalaysia.com/gathered/cpj\\_crackdown.htm](http://www.freemalaysia.com/gathered/cpj_crackdown.htm). 27 Januari 2000)

- \_\_\_\_\_. (2000b). Press-ganged by Dr M : Information control turns tough. 12 Januari. Retrieved from <http://www.freemalaysia.com/political/press-gang.htm>. (27 Januari 2000)
- Harun Hashim. (1999). Sword of Damocles over the heads of journalists. *New Straits Times*. 13 April.
- Loone, S. (2001). Police urged to identify areas for peaceful rallies, Suhakam gives guidelines. *Malaysiakini*. 19 April. Retrieved from <http://www.malaysiakini.com> (19 April 2001)
- Malaysia. (1971). *Towards national harmony*. Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan.
- Mansor Ahmad Saman. (1983). *Media di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Martin, F.F. *et al.* (1997). *International human rights law and practice*. The Hague: Kluwer Law International.
- MASSA. (2000). 22 Januari.
- Means, G.P. (1976). *Malaysian politics*. London: University of London Press Ltd.
- Milne, R.S. & Mauzy, D.K. (1982). *Politics and government in Malaysia*. Singapore: Federal Publications.
- Mohd Safar Hasim. (1996). *Mahathir dan akhbar*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Abu Bakar. (1973). Falsafah perjuangan mahasiswa. *Ilmu Masyarakat*. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Perlembagaan Persekutuan*. (1999). Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (pnys.). 1 Januari. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Rais Yatim. (1995). *Freedom under executive power in Malaysia: A study of executive supremacy*. Kuala Lumpur: Endowment Sdn. Bhd.

- Rohani Abdul Rahman *et al.* (1992). *Hak dan tanggungjawab Akta Universiti dan Kolej Universiti*. Bangi: Penerbit UKM.
- Shad Faruqi. (1989). *Law relating to press freedom in Malaysia*. Conference on freedom of expression held in commemoration of World Human Rights Day. Kuala Lumpur.
- Suara Rakyat Malaysia (SUARAM). (1998). *Malaysian human rights report*. Petaling Jaya: Suaram Komunikasi.
- Susser, B. (1995). *Political ideology in the modern world*. Boston: Allyn and Bacon.
- The Star*. (1987). 7 September.
- \_\_\_\_\_. (2000). 13 Januari.
- Tun Mohamed Suffian Hashim. (1987). *Mengenal perlembagaan Malaysia*. Abdul Majid Abdul Latif dan Ridzuan Omar (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- UNESCO. (1969). *Birthright of man*. Hersch, J. (pnyt.). Paris: Unesco.
- Universities and University Colleges Act (AUKU)*. (1996). Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (pnys.). 1 Oktober. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Utusan Malaysia*. (2000). 13 Januari.
- Wan Abdul Manan Wan Muda. (1996). Keadilan sosial dan kebebasan bersuara rukun negara maju. *Keadilan sosial*. Azizan Bahari dan Chandra Muzaffar (pnyt). Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD).
- Welsh, B. (1996). Attitudes toward democracy in Malaysia: Challenges to the regime? *Asian Survey*. Vol. XXXVI. No. 9. September. 882-903.
- World Youth Foundation. (1999). *Human rights: Views of Dr. Mahathir Mohamad*. Melaka: World Youth Foundation.
- Wu Min Aun. (1999). *The Malaysian legal system*. Petaling Jaya: Longman.